

# UMS hasilkan spesikasi standard pertama bot nelayan di Sabah

WB 24.10.13 B2

Oleh HENRY BATING  
utusanborneokk@gmail.com

UNIVERSITI Malaysia Sabah (UMS) berjaya menghasilkan 'Prototype Bot Nelayan' yang pertama memiliki piawaian seumpama itu di Sabah menggunakan geran penyelidikan Ko-Nelayan yang mempunyai kesesuaian ganda, menangkap ikan dan mengangkut penumpang.

Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah berkata universiti itu mempunyai komitmen untuk menyokong penuh segala usaha Ko-Nelayan memajukan industri perikanan di kalangan nelayan di negeri ini melalui pelaksanaan kajian.

"Dalam penyelidikan menggunakan geran Ko-Nelayan ini, kita telah

menghasilkan tiga buah bot dan sebuah acuan bot untuk merealisasikan harapan memberi sumbangan bermakna kepada usaha kerajaan membangunkan rakyat di Sabah dan Malaysia amnya," katanya pada majlis penyerahan prototype bot gentian kaca itu kepada Ko-Nelayan di Pantai Odec UMS kelmarin.

Terdahulu, Pengurus Besar Ko-Nelayan, Datuk Masood Salleh memaklumkan bahawa sebelum kajian itu, Kerajaan Negeri belum mempunyai spesifikasi yang standard untuk membuat perahu bagi kegunaan para nelayan di negeri ini.

"Pihak kerajaan mengeluarkan peruntukan



HARUN membuat penyampaian rasmi 'Prototype Bot Nelayan' kepada Masood.





**ISMAIL (kanan) memberi taklimat mengenai elemen 'Prototype Bot Nelayan' kepada Harun dan Masood.**

pengagihan bot dan terpulanglah kepada pihak kontraktor untuk mereka bentuk bot berkenaan untuk dihantar kepada para nelayan yang menerima bantuan, menyebabkan bot yang dihasilkan berbeza-beza dari segi kualiti dan harganya," katanya.

Masood menjelaskan pembuatan bot standard hasil kajian UMS itu telah diuji dan ternyata mempunyai daya tahan, mengambil kira aspek keselamatan dan murah melibatkan kos hanya kira-kira RM3,500 sebuah berbanding pembuatan

sebelum ini melibatkan kos RM7,000 hingga RM8,000 sebuah.

"Spesifikasi pembuatan bot yang dihasilkan melalui kajian UMS ini juga boleh diguna pakai oleh kilang-kilang pembuat bot sebagai jaminan kualiti," katanya.

Dalam taklimatnya sebelum itu, Ketua Penyelidik Prof Madya Dr Ismail Ali menyatakan kajian itu merupakan lanjutan daripada kerjasama UMS dan Ko-Nelayan (2006-2010) melaksanakan banci nelayan di Sabah.

"Dalam bancian itu, didapati terdapat rungutan

kalangan nelayan mengenai kualiti bot menangkap ikan dibekalkan kerajaan, yang secara langsung menyumbang kepada elemen pembaziran dari segi penggunaan dana membantu para nelayan," katanya yang juga Pengarah UMS Kampus Antarabangsa Labuan.

Menurutnya kajian yang dijalankan selepas itu telah mengambil pendekatan menggabungkan teknologi tradisional menangkap ikan dan bahan-bahan pembuatan modern yang mantap dalam air.

"Tepi perahu kita

gunakan bahan paip PVC sebagai pembalut kayu manakala penggunaan bahan untuk tulang bot mengambil kira struktur tekanan laut dan ombak," katanya.

Ismail berkata bot berkenaan adalah pelbagai guna yang dibuat khusus untuk menangkap ikan tapi pada waktu yang sama dapat juga digunakan bagi memperoleh pendapatan sampingan mengangkut penumpang.

Turut hadir Timbalan Pendaftar UMSKAL, Kapten Zamri Mohammad Tuah.